

# Tanah mendap undang bahaya

105110  
20/10/08  
mis 14

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM  
amir.azam@kosmo.com.my

SEREMBAN - Tunggu masa mengundang bahaya!

Demikian kata seorang penduduk di Taman Jasmin di sini apabila terdapat tanah mendap sejak dua bulan lalu yang masih belum dibaiki oleh pihak berkuasa.



**Anda SMS  
Kami Siasat**

Pengerusi Rukun Tetangga Taman Jasmin, Mohd. Shukor Talib berkata, beliau bimbang dengan keadaan cuaca hujan tidak menentu sejak akhir-akhir ini akan membuatkan tanah mendap tersebut semakin besar sehingga boleh membahaya kepada penduduk.

"Pada mulanya, tanah mendap itu hanya kecil tetapi disebabkan hujan lebat ia semakin membesar saban hari malah sebahagian parit berdekatan tanah mendap itu juga sudah runtuh.

"Kita tidak dapat menduga apa yang akan terjadi selepas ini kerana setiap kali hujan tanah mendap menjadi lebih besar. Saya hanya berharap tidak ada rumah yang akan runtuh sekali dengan tanah mendap ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Bagi Mohd. Arfian Ahmad, 34, pula, menambah, aduan telah dibuat tetapi sehingga kini masih belum ada tindakan proaktif daripada pihak berkuasa untuk memperbaiki tanah mendap itu.

"Kita dapat melihat bukan sahaja parit telah runtuh tetapi sebahagian jalan juga runtuh sekali kemungkinan disebabkan struktur tanahnya semakin mendap.

"Saya juga kawatir sekiranya ada kanak-kanak yang bermain di kawasan tanah mendap sehingga boleh mengundang bahaya kepada mereka," katanya.



MOHD. ARFIAN menunjukkan tanah mendap yang semakin teruk di Taman Jasmin, Senawang semalam.